

AL-RAHEEQ AL-MAKTUM (SIRAH RASULULLAH S.A.W) oleh Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri. Penterjemah: Mohd Darus Senawi Ali. 2011. Crescent News (K.L) Sdn. Bhd. Bersama Kumpulan Usahawan Muslim Sdn. Bhd. Selangor. Halaman 715. ISBN 978-983-2277-00-0

Penulisan Kitab Al-Raheeq Al-Maktum (Sirah Rasulullah S.A.W) oleh Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfur dari Universiti al-Salafiah, India ini adalah bertujuan untuk menghidangkan kepada para pembaca tentang kemuliaan sejarah hidup Rasulullah yang merupakan model terunggul dan ikutan yang paling baik untuk dicontohi oleh generasi kini serta akan datang. Kitab ini telah memenangi hadiah pertama di dalam “Sayembara Buku Sirah Nabawiah” yang dianjurkan oleh Seerah Rabitah Alam Islam, Mekah (namun berlangsung di Pakistan). Pada asalnya dibuat sempena sebuah pertandingan, namun penulis telah mendatangkan sebuah kitab yang berkualiti, sarat dihidangkan kajian ilmu yang terperinci bermula daripada latar belakang masyarakat Arab, keturunan baginda sehinggalah sampai wafatnya baginda. Buku ini dikisahkan mengikut kronologi yang jelas serta berbentuk traditional dalam pembelajaran sirah yang diwaris sejak dahulu. Buku ini diriwayatkan dari sumber-sumber yang dipercayai, bebas dari kepalsuan dan khurafat. Bahasa penulisan yang digunakan mudah difahami dan berkesan dalam usaha menyampaikan mesej Islam. Setiap perenggan sarat dengan fakta berguna. Kitab ini sebaiknya dibaca oleh seluruh umat Islam agar mereka dapat mengambil pelajaran daripada segala kebaikan dan kesempurnaan perjalanan hidup baginda.

Kajian, penelitian dan pembacaan terhadap kitab ini mustahak kerana mengkaji sirah hidup Rasulullah merupakan usaha untuk menyingkap rahsia-rahsia di mana pernah berlaku di dalam sejarah suasana kacau bilau, ketidak keruan, kekemarauan yang merkah tiba-tiba menjadi subur dan bumi menghidupkan dengan mekar-mekar kemanusiaan. Rasulullah telah membentuk individu-individu yang cekal, tokoh-tokoh serta pemimpin-pemimpin Islam yang menghampiri dengan pekerti seperti diri Baginda. Sifat Rasulullah SAW yang tabah dan sabar menghadapi segala ujian dan mampu bertahan dengan jiwa yang cekal apabila berhadapan dengan dugaan dunia sedangkan beliau juga seorang manusia. Ini menunjukkan bahawa tiada siapa yang dapat dibandingkan dengan baginda dalam hal kasihan belas, berlemah lembut dan mudah memaafkan sekalipun terhadap musuhnya. Oleh demikian, Rasulullah SAW merupakan sumber sejarah kemanusiaan sejagat untuk melihat formula kebangkitan sebuah peradaban dunia dan induk kepada sistem pemikiran yang sihat.

Apabila meneliti setiap kisah dan penceritaan dalam kitab ini, maka seseorang yang meneliti sejarah hidup Rasulullah SAW, pekerti-pekertinya dan hadis-hadisnya perlulah sentiasa mencari ukuran dan curahan Allah SWT pada setiap aspek yang terkandung dalam peribadi dan amalan hidup baginda. Darinya nanti akan terdedah suatu rahsia bahawa dunia ini tidak akan sampai kepada mercu akhlak yang tinggi kecuali dengan mengikuti akhlak dan unjuran ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Metodologi yang digunakan oleh penulis dilihat sangat berhati-hati dan cermat. Penulis dilihat berusaha menulis huraian dengan sederhana, dan mengelak diri daripada membuat huraian yang panjang atau ringkas yang boleh mencatitkan. Dalam sebuah fakta apatah lagi sejarah dan sirah, tetap berlaku beberapa rujukan yang bertentangan. Akan tetapi penulis tetap berwaspada supaya hujahnya tidak berlaku leretan yang tidak perlu. Lebih menarik, kisah dan fakta yang dibawa akan membuatkan para pembaca menemui perkara-perkara

baharu dan pengolahan yang boleh membuka lagi ruang lingkup kefahaman mengenai sirah Rasulullah yang sebenar.

Kaedah tarikan yang digunakan dalam kitab ini juga menambah minat pembaca seperti, penulis meletakkan puisi. Pengulas mendapati sesetengah buku berfakta seperti sirah memisahkan antara prosa dan puisi serta syair tanpa alasan yang kukuh. Apabila seseorang itu mendengar mesej yang ditambah dengan syair dan puisi, akan mengembirakan orang yang dalam masalah, menggerakkan orang yang lalai dan mendekati matlamat yang dahulunya dirasai jauh. Jarang buku dan kitab sejarah meletakkan puisi, melainkan di dalam kitab sirah Nabawiyah ini. Hal ini kerana, sebahagian daripada syair dan puisi mempunyai hikmah, sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW, *“intonasi dalam percakapan samalah seperti melagukan suara. Tujuannya ialah mengesankan pemikiran melalui tindakan mengesankan jiwa”* (al-Raafi'e). Oleh itu, pengulas melihat barangkali penulis cenderung meletakkan puisi dan syair dalam kitab ini bertujuan sebagai penambah nilai dan rasa pada setiap peristiwa yang berlaku dalam kisah-kisah yang diceritakan.

Menjurus kepada pembahagian isi kandungan, penulis membahagikan dalam empat bahagian besar dalam kitab ini. Bahagian pertama tentang latar belakang masyarakat Arab (m/s 1-48). Bahagian kedua ialah fasa Rasulullah SAW berada di Mekah (m/s 49-234). Fasa ini terbahagi kepada tiga bahagian lagi seperti yang diterangkan di dalam kitab ini (m/s 82) iaitu tahap dakwah secara rahsia selama 3 tahun, tahap iklan, keterbukaan dakwah selama 7 tahun dan tahap ke-3 keluar dari Kota Mekah selama 3 tahun. Bahagian ke-3 pula adalah tempoh Rasulullah SAW berada di Madinah (m/s 235-664) yang terbahagi kepada 3 fasa. Marhalah pertama ketika keadaan semasa Rasulullah di Madinah ketika hijrah (m/s 235) dan marhalah ke-2, iaitu satu perkembangan baru setelah Perjanjian Hudaibiyah (m/s 501). Manakala fasa terakhir adalah marhalah ke-3 setelah Fathul Mekah (m/s 598). Seterusnya bahagian terakhir adalah penutup kisah hayat Rasulullah SAW bersama pengajaran yang kerap diselitkan (m/s 665-715).

Pada bahagian pertama iaitu latar belakang masyarakat Arab. Penulis menceritakan secara terperinci kedudukan masyarakat Arab dan bangsa-bangsanya. Tujuannya agar pembaca mengetahui secara umum geografi dan bangsa-bangsa Arab yang ada ketika itu serta hubungannya dengan Rasulullah SAW termasuk keturunan baginda yang mulia. Hal ini penting, agar pembaca tidak merasa ganjil apabila Rasulullah SAW yang menetap lama di Kota Mekah. Namun apabila baginda berhijrah ke Kota Madinah, kedatangan baginda di disambut dengan baik oleh masyarakat setempat kerana ayah baginda mempunyai keturunan di sana. Buktinya, apabila Abdullah iaitu ayah baginda pergi berniaga sambil bertemu saudaranya di Madinah. Selain itu, Aminah iaitu ibu baginda pergi melawat kubur suaminya, Abdullah lalu singgah bertemu keluarganya di Madinah. Aminah meninggal dunia ketika dalam perjalanan pulang dari Madinah ke Mekah. Seterusnya, latar belakang yang lain diceritakan dalam bahagian ini adalah gambaran masyarakat Arab jahiliyah. Tujuan gambaran ini diceritakan ialah untuk menarik pembaca melihat perubahan sebelum kedatangan Islam dan selepas Rasulullah SAW membawa Islam. Jika membaca kitab sirah, kebanyakan isinya berkisar tentang dakwah dan tindakan mengubah manusia, bukan hanya berfokus pada ibadah individu semata-mata.

Seterusnya, bahagian Mekah bermulanya apabila Rasulullah SAW diangkat menjadi Rasul dengan menerima wahyu yang pertama iaitu surah al-Alaq. Bahagian ini menjelaskan perubahan yang berlaku ke atas seseorang apabila menerima Islam. Apabila wahyu

diturunkan kepada Rasulullah SAW, Rasulullah SAW terus menyebarkan kepada manusia. Bahagian ini penting untuk diberi perhatian kerana menunjukkan formula awal dalam berdakwah kepada manusia. Pada bahagian ini, penulis membahagikan kepada 3 fasa. Fasa pertama ialah dakwah secara rahsia, dari tahun pertama hingga tahun ke-3. Fasa ini memperlihatkan kaedah dakwah yang Rasulullah SAW dengan fokus pada individu tertentu terlebih dahulu yang kesannya banyak kebaikan untuk Islam di fasa permulaan yang masih lemah. Misalnya Rasulullah SAW berdakwah pada isterinya Khadijah. Khadijah menarik seramai mungkin wanita lain yang berpotensi seperti Sumayyah. Seterusnya Rasulullah berdakwah kepada sahabat rapatnya yang hartawan iaitu Abu Bakar As-Siddiq. Selepas itu, Abu Bakar pula mengajak hartawan yang lain memeluk Islam seperti Talhah bin Ubaidillah, Zubair Al Awwan, Abdul Rahman bin Auf dan Uthman Bin Affan. Seterusnya, Rasulullah SAW menyebarkan dakwah kepada Zaid bin Harithah iaitu seorang hamba. Bermula dari Zaid kemudiannya hamba yang lain juga memeluk Islam seperti Bilal bin Rabbah. Terakhir, dakwah Rasulullah SAW juga mensasarkan kepada kaum muda iaitu Ali bin Abi Talib.

Fasa ke-2 iaitu dari tahun ke-4 hingga ke-10 dalam dakwah Rasulullah di Mekah ini, penulis memperlihatkan dakwah Rasulullah SAW mula dijelmakan secara terang-terangan di atas Bukit Saffa dan seruan kepada keluarga tetapi masih rahsia, siapa yang sebenarnya Islam. Dalam tempoh ini diceritakan sangat terperinci ujian-ujian dan pelbagai cara penentangan ke atas dakwah Rasulullah SAW dan para sahabat. Contohnya, pihak Quraisy Mekah memperlekeh-lekehkan dengan memberi gelaran yang pelbagai termasuk gila, menyebarkan berita-berita palsu tentang ajaran Islam dan keperibadian Rasulullah SAW, memberi tawaran seperti wanita, harta dan jawatan. Seterusnya, penyiksaan yang menyesakkan sehingga menyebabkan berlakunya penghijrahan ke Habsyah. Kesan kesabaran ini, beberapa tokoh Quraisy memeluk Islam seperti Hamzah dan Umar Al-Khattab. Akibatnya, Quraisy lebih menjalankan penyiksaan dan tekanan yang memilukan iaitu terjadinya peristiwa pemboikotan ke atas keseluruhan masyarakat muslim. Namun, hikmahnya, peristiwa ini menampakkan kepada kita, telah wujudnya individu yang bukan Islam bersimpati dengan Islam seperti Abu Talib, Hisyam bin Amru, Zuhair bin Abi Umaiyah al-Makhzumi, al-Mut'am bin 'Adi, Abi al-Bukhturi dan Zama'ah bin Al-Aswad. Di penghujung fasa ini sebenarnya terdapat ketumbukan Islam makin kuat, apabila tersedianya masyarakat Islam, bekalan Solat daripada peristiwa Israk Mikraj dan Islam diterima oleh penduduk di luar Mekah seperti Addas dan Jin ketika perjalanan di Thaif, peristiwa Aqobah iaitu orang-orang Madinah memeluk Islam yang datang pada awalnya ingin menunaikan Umrah, sehingga berlakunya Hijrah.

Bahagian berikutnya yang ke-3 ialah di Madinah. Penulis membahagikan fasa ini kepada tiga marhalah. Peringkat pertama timbulnya kemelut fitnah, munculnya halangan-halangan dari dalam dan kemaraan tentera musuh ke Madinah yang bertujuan membanteras Islam sehingga ke akar umbi dari luar Madinah. Peringkat ini berakhir dengan termeterainya Perjanjian Hudaibiyah pada bulan Zulkaedah tahun ke-enam Hijrah. Marhalah ke-2 ialah perjanjian damai dengan pemimpin wathani (penyembah berhala) yang berakhir dengan pembukaan kota Makkah pada tanggal Ramadhan tahun ke-lapan Hijrah. Ini adalah peringkat dakwah Islam kepada Raja-raja. Marhalah yang terakhir pada bahagian ini ialah peringkat orang ramai berduyun-duyun memasuki agama Islam dan kedatangan perutusan qabilah-qabilah serta kaum-kaum ke Madinah. Peringkat ini berlarutan sehingga ke akhir hayat Rasulullah SAW pada tanggal Rabiul awwal tahun ke-11 Hijrah. Bahagian ini penting untuk melihat sambungan formula kebangkitan Islam yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW iaitu setelah terdapatnya masyarakat yang bersedia untuk memikul amanah Islam ini bersama-sama di

penghujung fasa Mekah. Maka ketika berhijrah ke Madinah, pelaksanaan undang-undang Islam dan melantik Rasulullah SAW sebagai pemimpin. Ini boleh dilakukan dengan syarat masyarakat muslim telah bersedia memahami dan sabar menghadapi ujian

Berikutnya adalah bahagian yang terakhir, menceritakan penutup hayat Rasulullah SAW dan pengajaran daripada beberapa peristiwa yang berlaku. Penulis meletakkan satu sub topik iaitu “kejayaan dakwah Rasulullah dan kesannya” agar pembaca merenung semula tentang tujuan kitab sirah ini ditulis yang perlu diteladani dan mengambil manfaat daripadanya. Kemudian diceritakan peristiwa hajjah al-Wida’ iaitu haji terakhir Rasulullah SAW yang mempunyai banyak mesej. Rasulullah SAW menyatakan ungkapan sebanyak tiga kali dan semua orang menjadi saksi bahawa Rasulullah SAW telah bersungguh-sungguh melakukan dakwah. Beberapa ungkapan Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah tersebut telah memberi kesan kepada beberapa orang sahabat nabi seperti Ibn Masud dan Umar al-Khattab. Umar al-Khattab yang memahami kalimah tersebut antaranya menjangkakan bahawa hayat Rasulullah SAW tidak lama. Pengajaran yang cukup besar dan berharga buat para sahabat nabi ketika itu. Rasulullah SAW juga meminta agar mereka yang hadir mendengar khutbah tersebut perlu menyampaikan kepada mereka yang tidak hadir. Ungkapan tersebut jarang dilafazkan oleh Rasulullah SAW. Selain itu, dalam bahagian ini juga, penulis menceritakan kronologi Rasulullah SAW kembali menemui Allah SWT secara terperinci. Pengakhiran bab ini dengan menukulkan sifat dan budi pekerti Rasulullah SAW dalam kecantikan perwatakan dan kesempurnaan jiwa serta kemuliaan akhlak baginda. Pada keseluruhannya, Rasulullah SAW terhias dengan sifat-sifat yang sempurna dan tiada tara bandingnya. Allah SWT telah mengutus baginda dengan sebaik-baik didikan seperti yang terkandung di dalam firman-Nya surah al-Qalam ayat ke-4, “*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang Agung*”. Akhlak-akhlak inilah yang telah memikat dan membawa jiwa-jiwa manusia mendekati Baginda dan menjadikan manusia menyintai Baginda. Baginda adalah seorang pemimpin yang menawan hati pengikutnya-pengikutnya, menundukkan kekerasan jiwa kaumnya menyebabkan mereka memasuki agama Islam.

Kitab ini mempunyai kekuatan yang baik dari sudut fakta ilmu, gaya bahasa yang mudah difahami, metodologi yang cermat, kronologi cerita yang saling berkait, penghuraian yang mampan, isi kandungan yang dibahagikan dengan cukup kemas dan memudahkan pembaca mencari bab serta sub topik semula. Namun di sini pengulas mencadangkan penambahbaikan bagi menghadirkan pembaca lebih boleh fokus dalam pembacaan dan telaah, iaitu dengan memanfaatkan medium yang ada kini. Dicadangkan agar diletakkan gambar, peta atau ilustrasi yang boleh membantu pembaca mengimajinasi dan lebih mendalami. Contohnya peta Tanah Arab, lokasi peperangan, perjalanan hijrah Rasulullah SAW agar lebih memberi kesan kepada pembaca. Selain itu, rujukan yang digunakan boleh diletakkan di bahagian nota kaki bawah atau bahagian belakang serta diperincikan untuk membantu pengkaji yang berhasrat untuk membuat kajian lebih mendalam terutama dalam sumber-sumber rujukan hadis dan athar sahabat.

Sebuah pengembaraan kitab yang menarik apabila dihujung jalan cerita kitab ini, penulis membawa semula kepada pembaca agar melihat faktor kejayaan dakwah Rasulullah SAW dan kesannya (m/s 665). Penulis menarik semula pembaca agar mengikuti tindakan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan bukan sahaja membaca kitab ini. Sejarah boleh berulang dengan melaksanakan dua ayat yang telah mengubah Rasulullah SAW, para sahabat dan tamadun Arab dahulu keseluruhannya, iaitu melalui kefahaman pada Surah Al-Mudathir dan surah al-Muzammil. Tanah Arab berubah kerana adanya dakwah yang ditekankan dalam

surah al-Mudathir, dan bertahannya Rasulullah SAW dan para sahabat kerana bekal ruhiyyah yang kuat yang ada pada surah al-muzammil. Semoga ulasan ini dapat memberi penjelasan dan menolak kita untuk membaca kisah Sirah Rasulullah dan meneladaninya.

Muhammad Talhah Ajmain @ Jimaain

Pelajar PhD, Bidang Pendidikan Sirah.

Akademi Tamadun Islam,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Universiti Teknologi Malaysia